

BEST OF MOROCCO

14H 11M KEMUNCAK JELAJAH

MAGHRIBI + GURUN SAHARA

ESSAOUIRA, MARRAKECH, OUARZAZATE, MERZOUGA, FES, CHEFCHAOUEN & CASABLANCA



SMALL GROUP - MAX 15 PAX

Tarikh	Musim	HARGA SEORANG					Saiz Kumpulan (pax)
		SPECIAL! EARLY BIRD (BERDUA/BERTIGA)	Berdua/Bertiga	Single SUPP	Kanak-Kanak Dengan Katil	Kanak-Kanak Tanpa Katil (Up to 5yrs)	
2026							
Pilihan pelanggan (Ground only)	-	-	RM7,290	RM2,000	RM7,090	RM6,090	3-4
Pilihan pelanggan (Ground only)	-	-	RM6,790	RM2,000	RM6,590	RM5,590	5-8
23 Sep – 06 Okt	Autumn	RM11,490	RM11,990	RM2,000	RM10,290	RM9,290	12 - 24
22 Okt – 04 Nov	Autumn	RM11,490	RM11,990	RM2,000	RM10,290	RM9,290	
19 Nov – 02 Dis	Autumn	RM11,490	RM11,990	RM2,000	RM10,290	RM9,290	
PROMOSI EARLY BIRD TERHAD KEPADA 10 PENDAFTAR YANG PERTAMA!							
Surcharge RM500/seorang untuk saiz kumpulan 9-11 pax							
EXTRA DISCOUNT SENIOR CITIZEN – RM150 / PAX (58 TAHUN KE ATAS)			INSTANT CASHBACK REWARDS - RM110 / PAX			LOYALTY CUSTOMER – RM200 / PAX	

Pakej ground 3-8 orang termasuk:

- Pengangkutan darat & driver guide berbahasa Inggeris
- Penginapan di hotel/riad/khemah bertaraf tourist class
- Sarapan pagi
- Lawatan dan pengangkutan seperti itinerari.

Pakej ground 3-8 orang tidak termasuk:

- Tour Manager dari Malaysia
- Tips Euro 70 seorang (3-8 pax)
- Entrance fees anggaran Euro 30 seorang (3-8 pax)
- Makan tengahari / makan malam seperti dalam jadual
- Insurans perjalanan RM174 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcay)
- Perbelanjaan sendiri & yang tidak disertakan dalam jadual

Harga group pakej termasuk:

- Tiket penerbangan pergi balik dengan bagasi 25kg
- Penginapan di hotel/riad/khemah bertaraf tourist class
- Makan seperti dalam jadual (halal/makanan laut)
- Lawatan dan pengangkutan seperti itinerari.
- Pemandu pelancong berbahasa Inggeris berpengalaman.
- Dipimpin oleh Tour Manager berpengalaman

Tidak termasuk:

- Tip RM300/seorang
- Insurans perjalanan RM174 seorang (Etiqa Takaful Insurance / Pelan Platinum – umur 70 tahun ke atas tertakluk kepada surcay)
- Perbelanjaan sendiri, makanan & lain-lain yang tidak disebut dalam itinerari.

***Nota: Penerbangan & kadar harga tertakluk kepada perubahan tanpa notis bergantung perubahan peserta & matawang semasa**

FLIGHT DETAILS:

QR 853 KULDOH 2025 2245
QR4567 DOHCMN 0135 0730
QR4566 CMNDOH 1410 2335
QR 852 DOHKUL 0250 1525

DEPOSIT: RM3000/Seorang*

HUBUNGI: OFFICE / AISHAH / ZAWATI
0390572324 / 0173496008 / 0192277253



HARI 1: BERLEPAS DARI KUL – CASABLANCA

Berkumpul di KLIA 4 jam sebelum berlepas

HARI 2: CASABLANCA - EL JADIDA – SAFI – ESSAOUIRA (MT)

Tiba di **Casablanca**. Kemudian terus bertolak ke **Essaouira** melalui **El Jadida**. Terletak 360 km dari **Casablanca** ke **Essaouira**, dikenali sebagai bandar resort dan pelabuhan pantai Atlantik, Maghribi. Perjalanan lazimnya mengambil masa 5 hingga 6 jam dengan sekurang-kurangnya dua hentian di **El Jadida** dan **Safi**.

Singgah makan tengahari di **Safi** dan kemudian teruskan perjalanan ke **Essaouira** untuk bermalam. Masa santai selepas check in hotel.



HARI 3: ESSAOUIRA - MARRAKECH (SP/MT)

Sarapan dan lawatan di bandar persisiran pantai ini yang terkenal dengan bangunan putih dan biru. Kota lamanya dilindungi oleh tembok kubu di tepi laut yang dikenali sebagai **Skala De La Kasbah**. Menghabiskan masa dengan merakam keindahan kota lama atau medina dan deretan bot nelayan berwarna biru yang sungguh indah di bahagian pelabuhan.


Perjalanan diteruskan ke **Marrakech** yang mengambil masa kira-kira 2.5 jam. Setiba di bandar itu, daftar masuk hotel dan rehat. Keluar semula untuk menikmati keseronokan pasar malam terbesar di **Square Jemaa El Fna**.



HARI 4: MARRAKECH (SP/MT)

Sarapan pagi kemudian bersama-sama guide akan membawa anda ke pengembaraan sehari penuh melalui Madinah lama. Lawatan merangkumi **Majorelle Garden**, taman botani yang dipenuhi pokok palma dan kaktus. Seterusnya, anda akan melawat beberapa tempat terkenal seperti **Dataran Jemaa El Fna**, **Masjid Koutoubia** (dari luar) masjid terbesar di Marrakech, **Istana Bahia**, dan **Ben Youssef Madrassa**, setiap satunya memaparkan keindahan seni bina dan budaya Maghribi.

Pada sebelah petang, anda berpeluang menikmati makan malam tradisional Maghribi berhampiran **Dataran Jemaa El Fna** (kos sendiri) sambil membeli cenderahati di **Souk**. Bermalam di Marrakech.



HARI 5: MARRAKECH – AIT BENHADDOU – OUARZAZATE – LEMBAH DADES VALLEY (SP/MM)

Daftar keluar dan mulakan perjalanan di bekas laluan pedagang dahulu antara **Sahara & Marakesh**. Menikmati keindahan pergunungan merentasi Pergunungan Atlas yang setinggi 2260meter (7,410 ft) di laluan **Tizi n'Tichka**. Tiba di perkampungan **Ait Ben Haddou**. Melawat **Ait Ben Haddou Kasbah**, lokasi pertemuan pedagang di zaman dahulu. Perjalanan diteruskan di oasis gurun di **Skoura**.

Perjalanan diteruskan ke **Boumalne Du Dades** yang merupakan wilayah Moroko yang terkenal dengan pemandangan yang indah. Daftar masuk dan bermalam di **Dades Valley**.



Laluan Tizi n Tichka



Ait Ben Haddou



Skoura

HARI 6: LEMBAH DADES – MERZOUGA – GURUN SAHARA (SP/MM)

Selepas sarapan, rombongan dibawa melalui laluan jalan "**Laluan 1001 Kasbah**" ke pekan wadi kecil di **Tinghir**. Perjalanan diteruskan ke laluan jurang dengan tebing batu yang tinggi, **Todgha Gorges**. Anda akan berhenti seketika di sini untuk meneroka kawasan ini sebelum meneruskan perjalanan ke **Merzouga**. Teruskan perjalanan ke **Merzouga** untuk bermalam di khemah di gurun.

Setibanya di perkampungan **Merzouga**, peserta akan dibawa dengan kenderaan pacuan empat roda ke khemah di gurun. Pada sebelah malam, peserta dapat menikmati suasana unik bermalam di gurun sambil melihat hamparan bintang di langit dan unggun api. Makan malam disediakan.



Todgha Gorges



Merzouga



Khemah di Gurun Sahara

HARI 7: MERZOUGA – MIDDLE ATLAS – MIDELT (MP/MT/MM)

Di awal pagi, peserta berpeluang menunggang unta di kawasan gurun sambil menikmati keindahan gurun dan bukit pasir yang indah. Sekembali ke khemah dan menikmati sarapan sebelum daftar keluar dan meneruskan perjalanan melewati **Er-Rachidia**, **Ziz Valley** dan **Ziz Gorges**. Sepanjang perjalanan peserta dihidangkan keindahan **Middle Atlas**. Alami pemandangan jurang dan gaung serta bentuk muka bumi yang terhasil dari pertembungan **Ziz River dan Ziz Gorges**.

Perjalanan diteruskan ke **Midelt** yang terkenal dengan hutan sidir dan monyet liar untuk bermalam. Bermalam di **Midelt**.



Gurun Sahara



Ziz Gorges



Pasar Buah Midelt

HARI 8: MIDELT - IFRANE - MEKNES - VOLUBILIS - FES (MP/MT)

Selepas sarapan, perjalanan diteruskan ke **Ifrane** terkenal dengan jolokan Switzerland di Afrika). Kemudian, bertolak ke **Cèdre Gouraud Forest** sebelum meneruskan perjalanan ke **Meknes**, kota Maulay Ismail dan juga dikenali sebagai satu dari empat kota diraja Morocco. Melawat **Kota Imperial Meknes** menjadi kota penting kerajaan Al Moravids. Ketahui sejarah dan kepentingan **Pintu Bab Mansour** dan **Mousaleum Moulay Ismail**.

Kemudian, lawatan ke lokasi purba arkeologi, **Volubilis**. Satu masa dahulu ia adalah ibu negara Mauretania yang dipercayai wujud pada kurun ke 3 BC yang juga bandar penting dalam Empayar Roman, di mana kesan tinggalan arkeologi Roman yang masih dapat dilihat.

Bertolak ke **Fes**, kota yang dikenali sebagai ibu kota budaya bagi Maghribi. Ia terkenal dengan kota lama yang bertembok **Fes El Bali** dengan seni bina Marinid, pasar lama yang menjual pelbagai barangan serta cenderahati dan membawa kita ke zaman Hikayat Seribu Satu Malam. Bermalam di **Fes**.



Gate of Bab Mansour



Volubilis



Fes El Bali

HARI 9: FES (MP/MT)

Sarapan pagi di hotel kemudian peserta akan dibawa meneroka kota **Fes**, bandar tertua di Maghribi. Lawatan merangkumi **panoramic tour Fes al Bali** – kunjungi **Madrasa al-Attarine**, sebuah karya seni bina Islam yang unik dan melawat **Universiti Al-Karaouine** yang terkenal sebagai universiti yang paling lama beroperasi secara berterusan di dunia. Kemudian, lawatan ke pintu gerbang **Bab Bou Jeloud** dan **Tanneries**. Selepas makan tengahari, peserta diberi masa untuk meneroka kota lama untuk membeli-belah souvenir Morocco di **Souk**. Anda juga berpeluang berkunjung ke lokasi pembuatan tembikar.

Pada sebelah petang, pulang ke hotel. Bermalam di **Fes**.



Quaraouiyne Quranic School



Bouinania Madras



Souk

HARI 10: FES - CHEFCHAOUEN (MP/MT)

Selepas sarapan pagi, perjalanan diteruskan selama 5 jam lagi ke bandar biru, **Chefchaouen** antara lokasi tarikan pelancong di negara ini. Kota indah ini terletak di **Pergunungan Rif**, di bahagian barat laut Maghribi. Dikenali sebagai kota yang memiliki bangunan tradisional sesuai untuk lokasi rakaman gambar dan video kerana bangunan berwarna biru yang indah dengan latar belakang Pergunungan Rif. Selepas daftar masuk hotel, peserta boleh menghabiskan masa meneroka dan membeli cenderahati di kota itu.



Perjalanan Fes ke Chefchaouen



Bandar Chefchaouen



Chefchaouen

HARI 11: CHEFCHAOUEN - RABAT – CASABLANCA (MP/MT)

Selepas sarapan, rombongan akan bertolak ke **Casablanca** melalui lebuhraya. Nikmati lawatan singkat di bandar **Rabat**, ibu kota Maghribi. Lawatan di **Rabat** merangkumi **Menara Hassan**, **Makam Mohammed V**, dan **Kasbah of the Udayas**, yang diiktiraf sebagai tapak Warisan Dunia UNESCO.

Seterusnya, sambung perjalanan ke **Casablanca**, bandar terbesar di Maghribi yang terkenal dengan suasana moden dan bersejarah. Daftar masuk hotel dan bermalam di Casablanca.



Kasbah of Udayas



Hassan Tower



Casablanca

HARI 12: CASABLANCA FULL DAY (MP/MT)

Sarapan pagi di Hotel. Persinggahan pertama singgah dahulu di **Masjid Hassan II**, yang terletak di salah satu pantai Casablanca. Lawatan seterusnya ke **Quartier Habous**, satu kawasan berdekatan **Royal Palace of Casablanca**. Kawasan ini adalah lokasi di mana bangunannya dibina di zaman penjajahan Perancis. Terus ke **Boulevard Mohammed V**, Stesen Tramway Market Central. Singgah di **Dataran Mohammed V**, sebuah plaza yang sibuk di tengah-tengah **Casablanca**. Makan tengahari disediakan.

Selepas makan tengahari, terus ke **The Corniche bahagian Ain Diab Corniche**. Anda berpeluang menerokai bangunan elegan kejiranan Anfa dan Maarif, jalan besar dan seni bina yang menggabungkan gaya moden. Masa santai di café berhadapan Lautan Atlantik.

Disebelah petang, kembali ke hotel. Bermalam di **Casablanca**.



Masjid Hassan II



Casablanca Souk



Ain Diab Corniche

HARI 13: CASABLANCA – PENERBANGAN BALIK (MP)

Masa santai sehingga bertolak ke lapangan terbang untuk menaiki penerbangan pulang.

HARI 14: TIBA DI KUALA LUMPUR

Tiba di Kuala Lumpur dengan kenangan indah. Alhamdulillah.

SENARAI HOTEL:

BANDAR	HOTEL * / SETARA
Casablanca	Maliber Apart Hotel*
Essaouira	Hotel Maison Du Sud*
Marrakesh	Hotel Marrakesh Racine*
Dades Valley	Hotel Panorama Dades*
Merzouga	Night Desert Camp
Ifrane	ZEPHYR Ifrane*
Fes	Riad Sara*
Chefchaouen	Hotel Chaouen*

Jadual perjalanan di atas adalah untuk digunakan sebagai panduan, mungkin berubah sedikit.

TERTAKLUK TERMA & SYARAT

MYZARRA TRAVEL & SERVICES SDN BHD
(737897-W) (KPK/LN:7712)
4-2, JALAN TASIK SELATAN 3,
BANDAR TASIK SELATAN, 57000 CHERAS,
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR
TEL: +603 9057 2324 | WHATSAPP: +6019 2277 253
EMAIL: zarratravel@yahoo.com / sales.myzarra@gmail.com